

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	2/12/2018

# PROTON, PERODUA wajar keluar model eksport baharu

➔ Kereta perlu dilengkapi teknologi terkini supaya mampu bersaing

Oleh Alzahrin Alias  
zahrin@nstp.com.my

✦ Kuala Lumpur

**K**erajaan mengesakan pengeluaran kenderaan nasional, PROTON dan PERODUA memperkenalkan model baharu yang berpotensi untuk pasaran antarabangsa.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata pengeluaran kenderaan nasional perlu memperkenalkan model baharu dilengkapi teknologi dan reka bentuk terbaru bagi membolehkannya diterima di peringkat global.

"Kita perlu mereka bentuk model baharu dengan teknologi terkini yang boleh dieksport ke luar negara. Ini kerana jika model terbaharu hanya

untuk pasaran tempatan, ia agak sukar dijual kerana kurang mendapat sambutan.

"Model baharu kena jadi lebih baik dan mampu bersaing dengan model antarabangsa yang lain. Jadi, mereka perlu memperkenalkannya secepat mungkin.

"Jika tanya saya bila jangkaan model terbaharu boleh dieksport, saya akan katakan hari ini juga. Namun, terpujang kepada pengurusan PROTON dan PERODUA," katanya selepas melawat Pameran Motor Antarabangsa Kuala Lumpur 2018 (KLIMS18) di sini, semalam.

KLIMS18 dengan tema 'Beyond Mobility' diadakan bermula 23 November hingga hari ini di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC), anjuran bersama MAA dan Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI).

Sebanyak 74 pempamer menyertai pameran kali ini yang setakat semalam menarik 200,000 pengunjung dan yakin mampu mencapai sasaran 350,000 pengunjung apabila tamat hari ini.

Pameran kali terakhir dianjurkan pada 2013 dan disertai 20 jenama pengeluaran kereta dan tiga motosikal,



**Dr Mahathir mendengar penerangan daripada Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Petronas Dagangan Bhd (PDB), Datuk Seri Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir ketika melawat Pameran Petronas sempena Pameran Motor Antarabangsa Kuala Lumpur 2018 (KLIMS18) di Kuala Lumpur, semalam.**

manakala baki selebihnya adalah syarikat media, universiti dan yang berkaitan dengan automotif termasuk aksesori.

## Reka bentuk tunjuk kemajuan

Dr Mahathir meluangkan masa selama 40 minit melawat pameran KLIMS18 dan antara gerai pameran dilawatinya termasuk PROTON, PERODUA, Petronas, Honda dan Toyota.

Beliau berkata, kebanyakan model baharu termasuk PROTON yang dipamerkan di KLIMS18 menunjukkan kemajuan dalam automotif dari segi teknologi dan reka bentuk.

Sementara itu, Presiden Persatuan Automotif Malaysia (MAA), Datuk Aishah Ahmad berkata, pihaknya percaya kerajaan akan terus mem-



Model baharu kena jadi lebih baik dan mampu bersaing dengan model antarabangsa yang lain"

**Dr Mahathir Mohamad,**  
Perdana Menteri

beri keutamaan dalam pembangunan industri automotif negara.

Aishah berkata, Dr Mahathir juga menunjukkan minatnya dalam teknologi baharu automotif dan mahu ia diguna pakai di negara ini.

## Tawar hadiah menarik

"Dr Mahathir menunjukkan minat dan beliau sendiri lebih tahu mengenai teknologi automotif.

Aishah berkata, acara dianjurkan bagi kali kesembilan di negara ini juga menawarkan hadiah menarik sepanjang 10 hari acara berlangsung di MITEC termasuk cabutan bertuah utama yang menawarkan tiga kereta iaitu Toyota CHR, Honda City Hibrid dan PERODUA Myvi dan pelbagai hadiah menarik kepada pengunjung.

BH - 2/12/2018  
m/s: 3